

10/02/2001

Kad pintar ganti pasport ke Singapura (HL)

Kadir Dikoh in Singapura

SINGAPURA, Jumaat - Rakyat Malaysia dan Singapura yang menyeberangi Tambak Johor hanya perlu mempunyai sekeping kad pintar, tidak lagi menggunakan pasport seperti sekarang.

Kedua-dua negara bersetuju mengadakan kerjasama kerajaan elektronik (e-government) bagi mempermudah pergerakan rakyat serta membantu mengurangkan kesesakan di pusat imigresen, kedua-dua belah pihak.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, apabila dilaksanakan nanti, pelawat dari Malaysia ke Singapura dan sebaliknya, cuma perlu meletakkan kad pintar itu pada skrin khas tanpa perlu lagi mengecop pasport mereka.

"Kad pintar ini boleh dibaca oleh mesin di kedua-dua pusat pemeriksaan imigresen," katanya dalam sidang akhbar pada akhir lawatan kerja tiga hari ke republik itu, di Hotel Shangri-la di sini, hari ini.

Abdullah berharap penggunaan kaedah itu boleh dimulakan akhir tahun ini sebaik saja perbincangan lanjut antara pegawai Malaysia dan Singapura yang akan diadakan tidak lama lagi selesai.

Bagi tujuan itu, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong sudah meminta Menteri Dalam Negerinya, Wong Kan Seng untuk ke Kuala Lumpur dalam tempoh terdekat ini bagi memulakan perbincangan.

"Pegawai kedua-dua negara kemudian akan menentukan tarikh sesuai untuk melaksanakan penggunaannya. Goh dan Kerajaan Singapura begitu gembira dengan keputusan ini," katanya.

Pegawai Kementerian Dalam Negeri (KDN) Malaysia ketika ditemui kemudian berkata, soal sama ada penggunaan pasport bagi menyeberangi tambak Johor akhirnya dimansuhkan bergantung kepada bagaimana berjayanya penggunaan kad pintar itu nanti.

Tengah hari ini, Abdullah dan rombongan yang dalam rangka lawatan tiga hari ini ke sini, menunaikan solat Jumaat di Masjid Ba-alwi. Beliau diperkenalkan kepada pemimpin Melayu tempatan dan bersalaman dengan sebahagian jemaah selepas itu.

Abdullah berkata, satu lagi program kerjasama yang dicapai ialah mewujudkan rakan Internet di kalangan pelajar kedua-dua negara melalui program berkembar menerusi Internet di sekolah-sekolah tertentu.

"Kita nak pelajar ini mengenali antara satu sama lain dan mungkin mereka boleh adakan program bagi mempertemukan mereka," katanya.

Beliau berkata perkara itu dibincangkannya ketika mengunjungi Pihak Berkuasa Pembangunan Infocomm (IDA) iaitu agensi penyedia Internet hari ini.

Mengenai pakej penyelesaian membabitkan pelbagai isu dua hala yang selama ini kerap menggugat hubungan Malaysia-Singapura, Abdullah berkata tidak ada cadangan baru dimasukkan dalam pakej itu.

"Tak ada. Sudah cukup (jumlahnya) isu ini disenaraikan dalam pakej dan kita mahu menyelesaikan semuanya secara menyeluruh. Kita cuma berusaha untuk mencapai kemajuan dan menyelesaikan apa saja yang belum diselesaikan," katanya.

Beliau akan memberi laporan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu sekembali ke Kuala Lumpur dan kemudian pegawai kedua-dua negara akan mengadakan mesyuarat untuk menghalusi lanjut isu-isu berbangkit dalam pakej.

Pakej penyelesaian itu dipersetujui dalam pertemuan Dr Mahathir dan Goh di Hanoi pada 1998. Pakej itu termasuk isu tanah stesen Keretapi Tanah

Melayu Berhad (KTMB) di Tanjung Pagar, penjualan air ke republik itu, kegunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan masalah rakyat Malaysia dari Semenanjung yang tidak dibenar mengeluarkan simpanan mereka daripada Tabung Pusat Simpanan Pekerja (CPF) setelah berhenti kerja di kota singa itu.

Abdullah berkata, perbincangan akan dibuat secara menyeluruh mengenai pakej itu bukan sahaja mengenai soal Kranji atau bekalan air.

Singapura pada dasarnya bersetuju dengan permintaan Malaysia untuk memindahkan stesen KTMB di Tanjung Pagar ke Krinji.

"Kita berharap akan dapat menyelesaikan pelbagai isu (dalam pakej) secara bersama dan inilah pendekatan yang ingin kami gunakan dan pendekatan itu juga dipersetujui oleh kedua-dua Perdana Menteri," katanya.

Ditanya bila penyelesaian itu boleh dicapai terutama berkaitan isu utama iaitu bekalan air, beliau berkata: "Buat masa ini belum lagi tetapi saya percaya jika kita bekerja lebih kuat, kita akan berupaya menanganinya".

Mengenai pertemuannya selama 70 minit dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew petang semalam, Abdullah berkata mereka berbincang perkara umum dan Lee banyak bercerita mengenai lawatannya ke Kuala Lumpur Ogos lalu.

"Lee memberitahu bahawa beliau berpeluang menemui kawan lama dan melahirkan rasa kagum dengan pembangunan Kuala Lumpur. Beliau juga bersetuju dengan cadangan kita untuk memperbanyak lagi hubungan antara rakyat kedua-dua negara di semua peringkat," katanya.

(END)